

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[PERMATANG PAUH]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan:-

(a) Langkah yang bakal diambil untuk meningkatkan pewartaan dan akses kepada data Kerajaan demi memudahkan penelitian dan pemantauan ketelusan urus tadbir Kerajaan oleh rakyat;

dan

(b) Perancangan Kementerian berkenaan hasil bancian yang bakal dijalankan pada tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) adalah agensi statistik utama negara yang bertanggungjawab memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara berdasarkan mandat daripada Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989).

2. DOSM sentiasa berusaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dengan memperbaharui produk statistik yang diterbitkan

selaras dengan peranannya sebagai '*knowledge providers*' untuk pengguna sama ada kepada agensi kerajaan, universiti, penyelidik atau individu selaras dengan peraturan yang dinyatakan dalam Akta. Dari segi perkongsian data kepada pengguna, DOSM sentiasa menitikberatkan permintaan data dari semua pengguna tanpa sebarang prejudis kepada mana-mana individu.

3. DOSM telah menerbitkan lebih 300 penerbitan statistik setiap tahun dan semua penerbitan tersebut boleh diakses secara percuma melalui portal e-statistik DOSM ([www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)) oleh semua pengguna sama ada dari dalam atau luar negara. Dalam memastikan bahawa statistik yang diterbitkan ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umum, DOSM telah meningkatkan kebolehcapaian statistik melalui *Stats Alert* di media sosial; dan menyediakan pelbagai kemudahan di laman web Jabatan, antaranya:

- i. aplikasi e-statistik bagi memudahkan pengguna mengakses penerbitan secara percuma;
- ii. aplikasi interaktif antaranya penjanaaan data penduduk sehingga peringkat daerah melalui Population Quick Info;
- iii. penjanaaan data borong & runcit hingga peringkat daerah melalui aplikasi i-DT;
- iv. METS Online bagi penjanaaan data perdagangan luar negeri sehingga 10 digit; dan
- v. statistik di peringkat daerah melalui aplikasi mudah alih 'My Local Stats'.

4. Di samping itu juga, DOSM telah membangunkan *Statistics Data Warehouse* (StatsDW). Ia menyimpan data lampau seawal 1974 dari pelbagai banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh DOSM serta kompilasi data untuk petunjuk ekonomi. StatsDW ini membolehkan akses yang cepat dan mudah kepada data yang disimpan (contohnya: data siri masa) dan memudahkan akses yang lebih luas kepada

pengguna mengikut keperluan pengguna dan tahap akses yang dibenarkan.

5. Selain berfungsi sebagai storan data, StatsDW juga menyediakan platform interaktif melalui *eDataBank*, *Data Visualisation* dan *Location Intelligence* di mana pengguna boleh meneroka dan menggunakannya secara percuma. Stats DW Fasa II sedang dibangunkan dengan elemen baharu melalui perekaayaan sistem sedia ada, integrasi dengan agensi kerajaan lain dan paparan visualisasi yang lebih dinamik dan interaktif. Peluasan akses terhadap data mikro juga merupakan satu lagi nilai tambah dalam StatsDW Fasa II. Pengguna akan diberikan akses untuk mencapai data mikro secara mikro melalui peranti pengguna walau di mana mereka berada. Pembudayaan analitik juga turut diberikan penekanan di mana pengguna boleh menggunakan data yang terdapat dalam StatsDW untuk tujuan pelbagai analisis melalui platform *Actionable Analytic*.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) akan dilaksanakan pada 7 Julai 2020 bertujuan untuk mengumpul stok dan profil penduduk dan perumahan negara meliputi ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi sehingga ke peringkat geografi terkecil.

7. Untuk memastikan hasil bancian dapat digunakan oleh pengguna samada dalaman atau luar jabatan, perancangan terhadap hasil bancian dalam bentuk penerbitan dan laporan bagi Banci 2020 telah dibuat seperti berikut:

<b>Tempoh</b>	<b>Penerbitan</b>
3 bulan selepas banci <b>(Oktober 2020)</b>	i. Penemuan Awalan ii. Penemuan Awalan (Bandar dan Luar Bandar)
6 bulan selepas banci <b>(Januari 2021)</b>	Asas Demografi
9 bulan selepas banci	i. Tempat Kediaman

<b>(April 2021)</b>	ii. Isi Rumah
12 bulan selepas banci <b>(Julai 2021)</b>	i. Pendidikan dan Sosial Penduduk ii. Ekonomi Penduduk iii. Migrasi dan Taburan Penduduk
>18 bulan selepas banci <b>(Disember 2021 – Disember 2023)</b>	i. Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim ii. Parlimen Dan Dewan Undangan Negeri iii. Topik Terpilih (cth.: Orang Kurang Upaya, Penuaan, Perbandaran, Belia, Kewarganegaraan, Orang Asli dll.) iv. Statistik mengikut Negeri (14 penerbitan) v. Pocket MyCensus 2020

8. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penerbitan ini akan disediakan dalam bentuk digital dan *hardcopy* untuk disebarkan kepada pengguna. Perkembangan berkenaan Banci 2020 boleh diikuti melalui <https://www.mycensus.gov.my>.

9. Bagi meningkatkan kesedaran umum, dimohon kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat menguar-uarkan tentang Banci 2020 dalam platform-platform yang bersesuaian bagi meraih kerjasama yang baik daripada semua pihak bertepatan dengan tema “Data Anda Masa Depan Kita”.

Sekian, terima kasih.